

17 SEP 1997

Anwar-Ekonomi

MAHATHIR GARIS STRATEGI TINGKATKAN KETAHANAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan semua kerajaan negeri supaya mengurangkan program yang menjurus kepada perbelanjaan berlebih-lebihan untuk membantu kerajaan persekutuan memperkukuhkan ketahanan ekonomi negara.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata arahan itu dikeluarkan pada satu pertemuan khas Perdana Menteri dengan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri di sini hari ini.

"Pertemuan itu bertujuan menekankan pentingnya kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri bersepakat dalam menangani permasalahan ekonomi berikutan kejatuhan nilai ringgit," kata Anwar kepada pemberita selepas dikunjungi Ketua Pengarah Pertubuhan Makanan Sedunia Dr Jacques Diouf.

Kerajaan baru-baru ini mengarahkan perbelanjaan jabatan dan agensi kerajaan dipotong sebanyak 2 peratus berikutan kejatuhan nilai ringgit kira-kira 20 peratus akibat serangan spekulatif di pasaran tukaran wang asing.

Anwar berkata perbincangan satu-setengah jam itu juga berkisar pada usaha untuk mengurangkan import dan menggalakkan eksport, mempertahankan satu pentadbiran yang licin serta mengurangkan program yang dianggap lebih banyak menjurus kepada perbelanjaan berlebihan.

Ini perlu kerana kekuatan asas ekonomi negara harus dipertahankan, kata beliau.

"Kalau kita dapat perkukuhkan kekuatan asas ekonomi kita, maka tempias daripada perkembangan rantau atau negara lain tidak akan menjejaskan keutuhan kita.

"Saya yakin dengan pengarahannya yang diberi oleh kerajaan, dan diterima pakai oleh agensi, jabatan, kerajaan tempatan dan swasta, kita akan dapat tangani masalah ini," katanya.

Ketika diminta mengulas mengenai pertemuannya dengan Diouf, Anwar berkata kerajaan bersetuju untuk memberikan tumpuan dan kerjasama yang berkesan dalam menggerakkan kegiatan pertanian di beberapa negara Afrika.

"Malaysia akan bekerjasama dengan Pertubuhan Makanan Sedunia dan Bank Pembangunan Islam untuk selaraskan kegiatan itu dan memberikan tumpuan serta bantuan berkesan kepada beberapa negara Afrika yang benar-benar memerlukan kerjasama dan sokongan kita," katanya.

Malaysia juga menekankan tentang pentingnya diberi tumpuan dalam bidang pendidikan dan pengembangan pertanian dan kerajaan melalui Tabung Bantuan Teknikal telahpun mengadakan beberapa program seperti projek khas yang dikendalikan oleh MARDI di Malawi. -- BERNAMA

WNZ MAI